

Pertumbuhan KDNK 6.2 peratus cerminan awal ekonomi negara 2018

# Mampu kekalkkan momentum

Oleh HADI AB.MANAP

pengarang@utusan.com

■ KUALA LUMPUR 18 NOV.

**K**EJAYAAN Malaysia mencatat pertumbuhan 6.2 peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku ketiga tahun ini boleh dijadikan cerminan awal kemampanan ekonomi negara untuk tahun depan.

Presiden Putra Business School Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Zulkornain Yusop berkata, perkara itu menjadi penanda aras perkembangan ekonomi negara yang melibatkan tiga faktor utama iaitu perbelanjaan pengguna swasta, kepesatan pelaburan dan keupayaan kerajaan dalam mentadbir.

"Angka 6.2 peratus itu menunjukkan satu perkembangan yang sihat. Walaupun dunia amnya menghadapi masalah peningkatan harga barang dan sebagainya, hubungan yang jitu antara ketiga-tiga faktor ini menjadikan Malaysia antara negara yang merekodkan pertumbuhan ekonomi yang tertinggi di dunia pada tahun ini.

"Semestinya kita tidak boleh menjamin dan meramalkan keadaan ekonomi di masa hadapan.

## KDNK Malaysia 6.2 peratus

■ PUTRAJAYA 17 NOV.

**M**ALAYSIA mencatat pertumbuhan 6.2 peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku ketiga tahun ini dan pencapaian itu membuktikan pengurusan ekonomi negara berada di landasan yang betul, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, pencapaian itu menjadikan Malaysia antara negara yang merekodkan pertumbuhan ekonomi yang tertinggi di dunia pada tahun ini.

Beliau berkata, pencapaian itu selaras dengan tuntutan Islam iaitu dengan sentiasa meletakkan sasaran terbaik dan tertinggi di dalam semua urusan yang dilaksanakan.

"Sebagai umat Islam, kita kena tetapkan tahap kecemerlangan yang perlu dicapai sekali gus menjadikan apa yang kita buat ada sasaran seperti terbaik, tertinggi, yang kedua-duanya membawa makna cemerlang," katanya ketika berucap merasmikan Surau Mahmoodiah, Presint 18 di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, Menteri Kabinet Perdana Menteri, Datuk Seri Mubiz Bah.



**KERATAN Utusan Malaysia semalam**

Namun begitu, berdasarkan trend KDNK negara sebelum ini, saya merasakan negara mampu untuk mengekalkan momentum baik ini," ujarnya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan bahawa kejayaan itu membuktikan pengurusan ekonomi negara berada di landasan yang betul.

Ia selaras dengan tuntutan Is-

lam iaitu sentiasa meletakkan sasaran terbaik dan tertinggi di dalam semua urusan yang dilaksanakan.

Dalam pada itu, pensyarah ekonomi dari Universiti Tun Abdul Razak (UniRazak), Prof. Dr. Barjoyai Bardai menjelaskan bahawa, pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) merupakan antara penyumbang jangka pendek yang dilihat mampu untuk terus menggalakkan perbelanjaan pengguna



**BARJOYAI BARDAI**



**ZULKORNAIN YUSOP**

swasta.

"Perbelanjaan pengguna swasta telah meningkat untuk suku ketiga tahun ini kepada 7.2 peratus berbanding suku sebelumnya iaitu 7.1 peratus. Walaupun kenaikan ini sedikit, ia tetap memberikan kesan positif kerana keyakinan pengguna untuk berbelanja itu tetap meningkat.

"Ia disokong pula dengan pembentukan modal tetap kasar yang stabil pada kadar 6.7 peratus. Perbelanjaan kerajaan juga didapati tu-

rut meningkat berbanding suku sebelumnya dan ia akan memberikan pulangan yang lebih baik kepada pertumbuhan ekonomi negara," jelasnya.

Beliau turut meramalkan bahawa melalui trend KDNK yang positif sehingga suku ketiga 2017, pertumbuhan ekonomi Malaysia akan terus jitu sehingga ke akhir tahun dengan pertumbuhan KDNK paling minimum sekitar 5.5 peratus.